

10 Jun 2016

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Ulangan Persijilan RSPO Bagi Sime Darby Plantation Sdn Bhd, Kilang Kelapa Sawit Flemington – Teluk Intan, Perak, Malaysia**

Sime Darby Plantation Sdn Bhd (RSPO Membership No: 1-0008-04-000-00) telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian ulangan persijilan RSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Flemington dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 4 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Teluk Intan, Perak, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan penilaian persijilan ulangan Kilang Kelapa Sawit Flemington pada 12 hingga 15 July 2016. Penilaian ulangan akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014 dan RSPO Supply Chain Certification Standard – CPO Mills: 21 November 2014. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

<b>Kilang Kelapa Sawit Flemington dan Ladang – Ladang</b>	
Nama kilang	Kilang Kelapa Sawit Flemington
Kapasiti Kilang (mt/jam)	60
Lokasi	Teluk Intan, Perak, Malaysia
Alamat	Kilang Kelapa Sawit Flemington, Sungai Sumun 36369 Teluk Intan, Perak, Malaysia
Rujukan GPS	101° 51' 26" E ; 3° 55' 41" N
Pengeluaran CPO (Anggaran 2016) (MT)	36,635 mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2016) (MT)	9,328 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2016) (MT)	169,585 mt

<b>Ladang</b>	<b>Rujukan GPS</b>	<b>Kawasan Matang (Ha)</b>	<b>Kawasan Belum Matang (Ha)</b>	<b>Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)</b>	<b>Anggaran Pengeluaran FFB untuk Tahun 2015 (MT)</b>
Flemington	100° 52' 84" E ; 3° 53' 46" N	1,343.88	585.65	1,929.53	28,886
Bagan Datoh	100° 47' 24" E ; 3° 59' 33" N	2,621.13	1,095.59	3,716.72	48,209
Sungai Samak	101° 08' 87" E ; 3° 44' 49" N	2,218.88	541.83	2,760.71	56,590
Sabak Bernam	101° 00' 24" E ; 3° 45' 33" N	1,766.04	550.32	2,316.36	35,900
<b>TOTAL</b>		7,949.93	2,773.39	10,723.32	169,585

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO melalui pejabat di Malaysia dan pejabat urusan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit ulangan di Kilang Kelapa Sawit Flemington dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

**En. Mohamed Hidhir Bin Zainal Abidin** sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang dan Kilang Kelapa Sawit, Penilaian kriteria "Supply Chain" di kilang, Alam Sekitar, Aspek Undang-Undang dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.); **En. Hafriazhar Mohd Mokhtar** sebagai Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Alam Sekitar, Aspek undang-undang, HCV dan Sosial); **Cik Hu Ning Shing** sebagai juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Email: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Skim RSPO**


Mr. Nicholas Cheung  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Unit 10-03, Level 10, Tower A  
The Vertical Business Suites  
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur Malaysia  
Fax : +603-2242 4218  
Email : [Nicholas.Cheung@bsigroup.com](mailto:Nicholas.Cheung@bsigroup.com)

**DAN/ATAU****Auditee:**

Mrs. Shylaja Devi Vasudevan Nair  
Head of Sustainability Unit  
PSQM Department,  
Sime Darby Plantation Sdn. Bhd.  
No.2 Plantation Tower, Jalan PJU 1A/7,  
47301 Ara Damansara, Selangor, Malaysia.  
Fax : +603-7848 4363  
Email : [shylaja.vasudevan@sime-darby.com](mailto:shylaja.vasudevan@sime-darby.com)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,

  
.....  
Nicholas Cheung  
Pengurus Skim RSPO

BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
B 08-01 (East), Level 8,  
Block B, PJ 8, No. 23,  
Jalan Barat, Seksyen 8,  
46050 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia

T: +603 2242 4211  
F: +603 2242 4218  
[info.malaysia@bsigroup.com](mailto:info.malaysia@bsigroup.com)  
[www.bsigroup.com.my](http://www.bsigroup.com.my)

